

PENDEKATAN INDIVIDU DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI WAHANA MELAHIRKAN MODAL INSAN BERTAMADUN

Oleh:

Tengku Sarina Aini Tengku Kasim*

Faridah Binti Che Husain**

ABSTRAK

Situasi pelajar yang semakin tidak meminati mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah bukanlah satu topik yang baru untuk dibincangkan. Malah masalah ini sering menghantui pihak penggubal kurikulum Pendidikan Islam, sama ada di peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Selain daripada kurikulum Pendidikan Islam yang sering diubah, pendekatan pengajaran Pendidikan Islam yang digunakan oleh guru juga menjadi tumpuan perbincangan. Lantaran itu, satu pendekatan yang dapat membantu dan memantapkan perkembangan pembelajaran pelajar perlu difikirkan bersama bagi mengatasi permasalahan yang telah dinyatakan di atas. Salah satu cara yang sesuai bagi mengatasi masalah ini ialah dengan mengoptimumkan kaedah pengajaran yang menggunakan pendekatan individu. Pendekatan ini diharapkan mampu untuk membentuk perubahan yang lebih positif mengikut perbezaan pelajar dan membantu merangsang perkembangan diri pelajar ke arah melahirkan insan yang mampu menjana tamadun ummah suatu hari nanti. Penulisan artikel ini bertujuan untuk mengupas tentang pendekatan individu melalui pengajaran guru dalam pengajaran Pendidikan Islam

* Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, M.A., merupakan pensyarah Program Pendidikan Islam di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

** Faridah Binti Che Husain, M.A., merupakan pensyarah Tamadun Islam dan Tamadun Asia di Seksyen Ko-Kurikulum, Elektif Luar Fakulti dan TITAS (SKET), Universiti Malaya.

supaya setiap pelajar berpeluang memperolehi kaedah pemindahan maklumat berdasarkan sifat-sifat diri yang mungkin berbeza daripada pelajar-pelajar yang lain.

ABSTRACT

Research in education over the last few decades has focused on the debate on teaching approach. Attempts to use new teaching-learning strategies were often unsuccessful and they often had to resort to the traditional “talk and chalk” method of teaching, with which they were more at ease. As in most curriculum change efforts, changes in content or materials are relatively easy to accomplish but changes in teaching styles and role behavior often present difficulties. Thus, this article explains about individual teaching approach that can be used in teaching Islamic Education. The individual teaching approach is defined as a methodology of transmit knowledge that focus on individual learners, so that they can determine their perceptions of their own self-efficacy and motivation. The objective of an individual teaching approach is to provide students with the personal assistance and to allow them to function effectively without teacher's help. A teacher works to assist the student in creating their own learning and a good teacher will allow students to see that they are the ones who truly responsible for their own learning.

Keywords: *Islamic Education, Teaching-learning, Human capital*

PENDAHULUAN

Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang penting dalam membentuk generasi beriman, bertaqwa, berakhhlak mulia dan berketerampilan pada masa hadapan. Pendidikan Islam perlu sebagai proses pengisian jiwa atau kerohanian bagi seseorang individu. Pendidikan ini perlu diterapkan pada peringkat awal lagi sebelum seseorang individu sampai kepada peringkat yang cukup mencabar bagi memantapkan pegangan mereka dalam menjalani arus gelombang kehidupan dan tidak mudah terpengaruh dengan sifat-sifat negatif kesan daripada perubahan zaman.

Dalam menghadapi arus kemodenan dan sebarang arus kemajuan, guru seharusnya peka serta tidak ketinggalan dalam mengendalikan proses

pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan objektif pengajaran tercapai seperti yang dikehendaki serta ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Kualiti pendidikan yang dicapai oleh murid-murid sekolah banyak bergantung kepada kualiti guru, kerana guru merupakan individu yang utama dalam mengimplementasikan kurikulum.¹

Sejak dengan pesatnya perkembangan teknologi pada hari ini, negara sering dikejutkan dengan pelbagai isu berkaitan dengan permasalahan akhlak dan tingkah laku yang sering dikaitkan dengan tugas guru Pendidikan Islam di sekolah. Ini kerana pada kaca mata masyarakat, tugas para pengajar agama adalah sangat berat iaitu untuk membawa masyarakat kembali ke pangkuhan agama yang sebenar serta membina benteng yang kukuh dalam menangkis segala bentuk kebatilan. Oleh itu, guru haruslah bersungguh-sungguh dalam usaha mendidik supaya matlamat negara tercapai.

Guru juga harus menyedari bahawa tugas mendidik para pelajar bukan hanya sekadar memindahkan maklumat, pengetahuan dan ilmu daripada seorang pendidik kepada seorang pelajar semata-mata, tetapi bagaimana ilmu dan maklumat yang benar serta pengalaman yang berguna dapat membentuk sikap, nilai dan peribadi seseorang pelajar. Bagi mencapai matlamat tersebut, para pendidik harus memilih dan mengaplikasikan pendekatan yang mampu menarik pelajar agar dapat benar-benar menghayati dan mampu menguasai ilmu yang diajar. Di samping itu, guru Pendidikan Islam juga perlu bijak dalam memilih dan menentukan pendekatan pengajaran yang berkesan kerana guru adalah orang yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah pembelajaran.

Terdapat beberapa aspek yang sering dikaitkan dengan kegagalan pelajar meminati dan menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah seperti aspek kurikulum Pendidikan Islam yang sering diubah dan aspek pendekatan pengajaran Pendidikan Islam yang digunakan oleh guru semasa berlangsungnya proses pengajaran.

Justeru dengan pembangunan sektor pendidikan ke arah yang lebih global dengan mengikut acuan Malaysia, tidak dapat dinafikan peranan pendidik sangat penting sebagai agen yang boleh membawa perubahan positif kepada pembangunan insan khususnya para pelajar. Pembangunan insan yang bermula dengan pendidikan kepada para pelajar diharapkan dapat membentuk mereka untuk menguasai ilmu pengetahuan ke arah menuju pembentukan modal insan yang berkualiti dan seimbang dalam pelbagai aspek. Sebagaimana memetik kenyataan Y.A.B Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai modal insan ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) di Parlimen, 31 Mac 2006 iaitu:

¹ Glatthorn, Allan A. (1924), *Curriculum Leadership*. USA: Harper Collins Publishers, h. 10.

Sekiranya kita ingin melangkah ke era ekonomi berpaksikan pengetahuan, jika kita mahu menjadi negara maju dan kekal pada tahap tersebut, pembangunan modal insan harus diutamakan. Dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan, bukan lagi satu kemewahan. Usaha membangunkan modal insan berkualiti akan digiatkan. Pendekatan kepada pembangunan modal insan haruslah secara holistik, menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi dan keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi. Inilah yang dikatakan modal insan berminda kelas pertama.²

Bagi merealisasikan hasrat ini, anjakan paradigma pendidikan sangat penting agar dapat mendorong para pendidik untuk memainkan peranan mereka dengan lebih agresif dan progresif. Paradigma pendidikan perlu diubah daripada menerima kepada mencari atau mencipta, daripada ketataan kepada komitmen, daripada individu kepada perkongsian, daripada rutin kepada inovatif dan kreatif, daripada reaktif kepada proaktif dan daripada pasif kepada progresif. Perubahan ini sememangnya mempunyai perkaitan rapat dengan pembinaan modal insan dan tamadun ummah yang cemerlang.

Memandangkan situasi sebegini, penulisan ini lebih berfokuskan kepada pendekatan pengajaran yang harus diaplikasikan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam, iaitu satu pendekatan yang dikenali sebagai “Pendekatan Individu dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran”. Usaha ini nanti diharapkan mampu melahirkan pelajar yang menepati kriteria modal insan berkualiti yang mampu menjana kegemilangan negara dan tamadun ummah.

FALSAFAH PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Kurikulum adalah ‘core’ kepada ‘business’ pendidikan. Definisi kurikulum yang selalu didapati daripada kata akar bahasa Latin, kurikulum bermaksud *race course*. Justeru, untuk murid-murid, kurikulum sekolah adalah merupakan perlumbaan yang akan dijalankan, iaitu satu siri halangan dan cabaran yang mesti dilalui.³ Istilah kurikulum berasal daripada perkataan Latin *curere* yang bermaksud laluan atau jejak. Dalam erti kata yang lebih

² Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006), Serdang: UPM, h. Xiii.

³ Marsh, Colin & Willis, George (1995), *Curriculum: Alternatives Approaches, On Going Issues*. New Jersey: A Simon & Schuster Company Englewood Cliffs, h. 33.

luas ia bermaksud jurusan. Dalam bahasa Inggeris, kurikulum merujuk kepada pengajian yang diikuti di sekolah.⁴

Manakala pengertian kurikulum dalam Pendidikan Islam jika ditinjau kepada kamus-kamus Bahasa Arab, didapati kata-kata *manhaj* (kurikulum) bermakna jalan yang terang, atau jalan terang yang dilalui oleh manusia dalam berbagai bidang kehidupannya.⁵

Ia merupakan satu rancangan pendidikan yang membendung segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma serta unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang menjadi pilihan masyarakat untuk diwariskan kepada ahli-ahli dari satu generasi kepada satu generasi lain. Rancangan pendidikan ini bertujuan untuk memenuhi keperluan individu dan negara. Dalam Laporan Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran (1979) kedua-dua keperluan dihuraikan seperti berikut:

Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan. Dalam konteks negara Malaysia, kurikulum itu juga berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukun Negara di samping menghasilkan tenaga rakyat yang terlatih untuk keperluan negara.

Dalam proses menyediakan warganegara Malaysia dengan pendidikan yang lengkap bagi mengisi dua keperluan utama, iaitu keperluan individu dan keperluan negara, kurikulum perlu dirancang dan diurus dengan teliti. Ini amat penting untuk menentukan supaya kurikulum ini sesuai dengan keperluan dan berjaya menghasilkan pelajar yang berkualiti cemerlang. Kandungan ringkas kurikulum ini adalah berkait rapat dengan tujuan Falsafah Pendidikan Islam, iaitu untuk mendidik pelajar agar dapat menguasai ilmu, amalan dan kemahiran dalam hidup yang telah ditetapkan supaya mata pelajaran Pendidikan Islam dapat menyumbang ke arah pembentukan diri muslim mukmin yang berilmu, beriman, beradab, berakhlak mulia, berketerampilan, bertanggungjawab, beramal soleh dan bertakwa. Matlamat ini adalah selari dengan kehendak kerajaan yang mahu melahirkan modal insan berminda kelas pertama bagi mencapai hasrat Islam Hadhari.

⁴ Mohd Daud Hamzah (1993), *Penerokaan Teori Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3.

⁵ Omar al-Syaibani (1991), *Falsafah Pendidikan Islam*. Hassan Langgulung, (terj.), c. 2. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd. h. 478.

Pendidikan Islam di sini merujuk kepada mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan menengah yang digubal oleh Unit Kurikulum, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, KPM. Bagi Pendidikan Islam di Malaysia, Kementerian Pendidikan telah menggariskan beberapa ciri utama kurikulum Pendidikan Islam iaitu:⁶

1. Mengelakkan kesinambungan dan keseimbangan di peringkat KBSR dan KBSM.
2. Menjelmakan kesepaduan ilmu.
3. Penggabungan antara ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah.
4. Menekankan pembentukan dan pembangunan insan mulia yang berkeupayaan menyumbang ke arah pembangunan tamadun bangsa dan negara.
5. Penulisan buku teks perlu mengekalkan tradisi penulisan sebenar ilmu Islam dalam penulisan buku teks.

Sistem Pendidikan Islam yang telah digariskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah mampu menyempurnakan keperluan akal manusia dan memaksimumkan peranannya sebaik mungkin dalam membina modal insan dan menjadi pemangkin kemajuan negara. Ini bermakna, Falsafah Pengajaran Pendidikan Islam menawarkan pendekatan dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang efektif sehingga mampu menghasilkan generasi yang berfikiran kritis, inovatif dan kreatif sebagai agen perubahan bangsa dan negara. Membentuk generasi yang berfikir merupakan asas untuk membentuk masyarakat madani (*civil society*). Masyarakat yang mampu berfikir mempunyai ruang untuk menyuarakan pendapat, pandangan dan kritikan bagi mempengaruhi proses membuat keputusan dan membaiki keadaan yang sihat dalam masyarakat.⁷

Falsafah Pendidikan Islam juga turut merupakan satu pemikiran yang mendalam tentang tanggungjawab dan proses mendidik manusia dengan memberi ilmu berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah supaya mereka mengenal Allah S.W.T, bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah dan dapat melaksanakan tanggungjawab itu dengan betul. Item-item tersebut digarapkan dalam Kurikulum Pendidikan Islam dan disalurkan melalui proses pengajaran dan pembelajaran melalui pendekatan pengajaran yang betul. Ia selari dengan Falsafah Islam yang bermaksud untuk menyediakan manusia dengan pengalaman dan ilmu pengetahuan yang cukup agar setiap individu akan kenal dirinya serta mengetahui cara untuk menjalankan

⁶ JAPIM (2003), *Keperihalan Dasar dan Prinsip Kurikulum Semakan Tahun 2003: Pendidikan Islam dan Bahasa Arab KBSR/KBSM*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, h. 4-11.

⁷ Abd. Rahim Abd. Rashid (1999), *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti, h. 2.

atau melaksanakan tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah S.W.T.. Apabila individu dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab ini dengan baik, maka ia akan menjadi insan yang soleh. Oleh itu, pemilihan dan penggunaan pendekatan pengajaran yang betul perlu diaplikasikan untuk memastikan matlamat dan tujuan Falsafah Islam yang merangkumi Falsafah Pendidikan Islam akan tercapai sepenuhnya.

Falsafah Pendidikan Islam juga menekankan kepada pendekatan pengajaran guru yang menitikberatkan keseimbangan yang jitu antara keperluan rohaniah, akal dan jasmaniah, iaitu antara pembangunan dunia dengan pembangunan ukhrawi⁸. Falsafah Pendidikan Islam menganggap bahawa setiap pembangunan akhlak individu yang selari dengan pandangan hidup Islam adalah teras kepada pembangunan manusia seluruhnya. Memetik kenyataan Abdul Ghani oleh Ahmad Mohd Saleh dalam Pendidikan Islam, Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran, menegaskan bahawa Pendidikan Islam perlu menggunakan satu pendekatan pengajaran yang bersifat terbuka dalam menerima pendapat dan pandangan orang lain.⁹

Jika diteliti, Falsafah Pendidikan Islam ini adalah sejajar dengan hasrat dan Falsafah Pendidikan Negara, iaitu untuk melahirkan pelajar yang cemerlang secara total yang memerlukan pemerhatian, pemantauan dan tindakan susulan secara teliti untuk memupuk dan membendung nilai-nilai yang diharapkan. Pendekatan pengajaran yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada keperluan untuk membentuk pelajar seperti yang dihasratkan. Ini jelas termaktub dalam Falsafah Pendidikan Negara yang dipetik dalam Abd. Rahim Abd. Rashid iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.¹⁰

⁸ Ahmad Mohd Saleh (2004), *Pendidikan Islam, Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, h. 22.

⁹ *Ibid..*

¹⁰ Abd. Rahim Abd. Rashid (1999), *op.cit.*, h. 1.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara tersebut juga, terdapat huraian terhadap insan yang seimbang dan harmonis yang memiliki ciri-ciri seperti percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara serta memberi sumbangan kepada masyarakat, agama, bangsa dan negara dan memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.

PENDEKATAN PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Segala falsafah pendidikan yang tersirat secara umumnya lebih menekankan kepada kepentingan pendekatan yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, setiap guru perlu benar-benar memahami maksud pendekatan dalam pengajaran, seterusnya menentukan pendekatan yang terbaik dan sesuai untuk dipilih. Istilah pendekatan dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *method* iaitu *way of doing something*.¹¹ Atau dalam erti kata lain, iaitu membawa maksud ilmu tentang cara mengadakan penelitian. Sementara menurut Edward M. Anthony, pendekatan ialah satu set andaian yang saling berkait dengan proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai unsur aksiomatik (benar).¹²

Manakala pendekatan menurut Bahasa Arab bermaksud sebagai ‘*manhaj*’ yang bererti jelas dan nyata. Berdasarkan pengertian bahasa tersebut, pendekatan, metode maupun *manhaj* merupakan perkara sama yang membawa maksud satu cara yang digariskan untuk diikuti dalam melakukan sesuatu kerja agar sampai atau mencapai kepada matlamat. Definisi pendekatan melalui *Kamus Dewan* pula dimaksudkan sebagai perihal mendekati atau mendekatkan, atau kaedah yang diambil bagi memulakan dan melaksanakan tugas atau mengatasi sesuatu masalah.¹³

Dalam bidang pendidikan, pendekatan dapat diertikan sebagai usaha untuk menghuraikan sifat-sifat dan pengertian mata pelajaran yang diajar serta menghuraikan falsafahnya. Setiap pendekatan itu hendaklah mencerminkan satu pandangan tentang hakikat satu matlamat pelajaran. Pendekatan yang baik dan sesuai dengan jiwa pelajar akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran berjaya dan berkesan dalam diri pelajar. Proses pengajaran dan pembelajaran yang berjaya akan menimbulkan rasa

¹¹ Hornby, A.S (2000), *Oxford Fajar: Advanced Learner's English-Malay Dictionary*. Asmah Haji Omar (terj.). Shah Alam, Selangor: Fajar Bakti, h. 1152.

¹² Ahmad Mohd Saleh (2004), *op.cit.*, h. 176.

¹³ Noresah Bt Baharom *et al.* (ed.) (2005), *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 383.

perlu pelajar untuk mengikuti pelajaran itu dan merasa rugi sekiranya tidak dapat mengikuti pelajaran tersebut.

Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, pendekatan bermaksud sebagai suatu cara yang diterjemahkan atau diikuti serta diaplikasikan oleh seseorang guru dalam menyampaikan isi pengajaran supaya subjek yang diajar mencapai matlamat atau objektif yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini adalah kerana pendekatan pengajaran yang sesuai mampu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang peka dan kritis terhadap ilmu yang diperolehi seterusnya mampu melahirkan pelajar yang seimbang dari semua aspek kehidupan.¹⁴

Dalam konteks pendidikan hari ini, pendekatan pengajaran merujuk kepada kaedah atau cara sesuatu pengajaran diaplikasikan oleh guru kepada para pelajar. Pendekatan pengajaran ini ditentukan dengan kaedah atau cara sesuatu kandungan itu diolah, melihat sejauh mana penglibatan pelajar dalam proses pengajaran serta teknik pengajaran yang digunakan oleh guru.

Justeru, pendekatan pengajaran yang sesuai untuk dipraktikkan adalah pendekatan yang tidak mengabaikan semua aspek dalam diri seseorang pelajar iaitu aspek kognitif, afektif dan juga psikomotor. Kognitif antara pelajar adalah berbeza mengikut tahap kecerdasan serta pendedahan persekitaran mereka. Pelajar yang berada di kawasan bandar biasanya lebih “*advance*” kerana mereka lebih awal didedahkan dengan maklumat yang terbaru serta infrastruktur serta kemudahan yang lengkap. Ini adalah berbeza dengan mereka yang berada di luar bandar yang agak ketinggalan dari segala aspek. Oleh itu, guru perlu memainkan peranan dengan mencari pendekatan yang sesuai mengikut kognitif pelajar agar para pelajar mampu menerima apa yang diajar seterusnya mencapai objektif yang diharapkan.

Faktor kelas yang berbeza juga memungkinkan guru menggunakan pendekatan yang berbeza. Pendekatan yang digunakan untuk mengajar kelas elit adalah mustahil digunakan serta dipraktikkan untuk kelas tercorot walaupun berada di sekolah dan persekitaran yang sama. Adalah penting bagi guru untuk mengetahui tentang pelajar-pelajar yang terlibat di dalam pengajaran. Ini adalah kerana kemampuan daya guna akal mereka adalah berbeza. Jika hal ini tidak dititikberatkan oleh guru, maka mustahil akan wujud suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, malah sebaliknya akan melahirkan pelajar yang gagal untuk bertindak dengan kreatif dan kritis dalam kehidupan.

¹⁴ Zawawi Hj. Ahmad (1992), *Strategi Pengajaran Pendidikan Islam KBSM*. Siri Pengajaran Fajar Bakti h.44.

PENDEKATAN INDIVIDU DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM

Salah satu daripada peranan penting guru ialah merancang dan menyusun persekitaran pembelajaran yang baik bagi pelajarnya. Oleh itu, guru perlu mengenal pasti pendekatan pengajaran yang sesuai bagi pelajarnya dengan mengambil kira perbezaan-perbezaan diri pelajarnya dari sudut cara gaya pembelajaran untuk disesuaikan dengan proses pengajaran agar dapat membantu pelajar berjaya belajar dengan cepat, tepat dan bermakna. Biasanya pelajar yang mempunyai persepsi yang positif terhadap pengajaran pensyarah, maka dia juga turut meminati mata pelajaran yang diikuti. Sebaliknya jika pelajar mempunyai persepsi yang kurang positif terhadap pengajaran pensyarah, maka dia juga kurang meminati mata pelajaran yang diajar.

Setiap pelajar mempunyai sikap dan cara belajar yang tersendiri untuk mencari maklumat dan meneroka bentuk-bentuk kemahiran baru. Setiap individu mempunyai cara belajar yang tersendiri disebabkan oleh perbezaan atau variasi yang wujud antara setiap pelajar. Ini adalah kerana setiap pelajar mempunyai latar belakang yang berbeza sama ada dari kalangan keluarga yang berada atau serba kekurangan, pelajar luar bandar atau bandar, pendidikan awal yang diterima serta banyak lagi faktor yang menyumbang ke arah perbezaan sikap dan cara belajar mereka.

Selain itu, setiap pelajar juga adalah berbeza di antara satu sama lain. Perbezaan ini dapat dikesan dari pelbagai aspek seperti bentuk fizikal, tingkah laku, cara berfikir, cara berinteraksi dan juga cara pelajar itu belajar. Termasuk juga perubahan dari sudut kadar berlakunya pembelajaran serta gaya kognitif yang dipilih oleh pelajar untuk memperolehi bahan-bahan baru.

Pendekatan individu dalam pengajaran Pendidikan Islam turut mengambil kira peranan pengajaran itu sendiri. Tokoh pendidikan memberikan definisi pengajaran sebagai proses memberikan bimbingan kepada pelajar-pelajar untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa pengajaran merupakan proses guru membimbing pelajar-pelajarnya ke arah satu matlamat, iaitu bagi menghasilkan perubahan tingkah laku dalam diri seseorang itu. Hasil daripada proses pengajaran, para pelajar dapat memperbanyakkan ilmu pengetahuan serta membentuk mereka menjadi orang yang baik, bijak dan cekap dalam disiplin ilmu yang dipelajari.

Sehubungan dengan itu, senario yang ada kini dalam strategi pengajaran dan pembelajaran menunjukkan bahawa pengajaran menjadi lebih berkesan sekiranya tumpuan dan perhatian diberikan kepada pendekatan mengajar

dalam situasi pengajaran. Ini bermaksud kurikulum yang bertumpukan pelajar adalah lebih baik jika dibandingkan dengan kurikulum yang bertumpukan aktiviti pengajaran oleh guru sahaja.

Selain itu, bentuk pendekatan ini juga adalah berteraskan di atas tiga asas utama yang telah dijelaskan oleh al-Qur'an sebagai asas pendekatan dalam penyampaian pengajaran atau dakwah. Sebagaimana Firman Allah S.W.T:¹⁵

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدَلْهُمْ بِالَّتِي
هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ مَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ
بِالْهُدَى نِعْمَانٌ

Serulah ke jalan tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahasalah dengan mereka (yang kau serukan itu) dengan cara yang lebih baik, sesungguhnya Tuhanmu Dialah juga yang lebih mengetahui akan orang yang mendapat petunjuk.

Berdasarkan Firman Allah S.W.T. di atas, jelaslah bahawa antara pendekatan yang disarankan oleh Islam ialah pendekatan berhikmah. Pendekatan ini mempunyai skop yang luas dan ia sangat berkesan. Ini dibuktikan dengan firman Allah S.W.T. di dalam al-Qur'an, iaitu:¹⁶

يُؤْتِي الْحِكْمَةَ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ يُؤْتِ الْحِكْمَةَ فَقَدْ اُوتِيَ خَيْرًا كَثِيرًا
وَمَا يَذَكُرُ إِلَّا أُولَوَ الْأَلْبَابِ

Tuhan memberikan hikmah (kebijaksanaan) kepada sesiapa yang disukainya, dan orang yang diberinya hikmah itu, sesungguhnya telah diberi kebaikan yang banyak, hanyalah orang yang berakal dapat mengerti.

MAKSUD PENDEKATAN INDIVIDU

Maksud pendekatan individu dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah penggunaan pendekatan yang menumpukan kepada pembelajaran pelajar berdasarkan kepada keupayaan diri pelajar sendiri dan berdasarkan kepada perbezaan diri individu. Howard E. Blake dan Ann W. Nerpherson mentakrifkan pendekatan individu sebagai satu proses pembelajaran untuk setiap bidang kurikulum yang disusun untuk membolehkan tiap-tiap pelajar mendalami setiap satu mata pelajaran selagi ia berkemampuan. Manakala

¹⁵ Surah al-Nahl 16:125.

¹⁶ Surah al-Baqarah 2:26.

Russel J.D. pula mentakrifkan pengajaran secara pendekatan individu sebagai apa jua penyediaan yang membolehkan setiap pelajar bergiat untuk belajar pada setiap masa mengenai perkara-perkara yang didapati bernilai kepada dirinya sebagai seorang individu.¹⁷

Setiap individu juga adalah unik dan mempunyai ciri-ciri yang tersendiri. Keunikan ini dapat diperhatikan dalam pelbagai domain tingkah laku individu sama ada dalam domain kognitif, afektif mahupun psikomotor. Oleh kerana keunikan dan keistimewaan individu ini, maka pendekatan yang hendak dipilih dan ditentukan guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran juga harus dipelbagaikan agar dapat disesuaikan dengan kepelbagaian dan perbezaan individu tersebut. Kepekaan guru terhadap ciri-ciri perbezaan pelajar sangat penting kerana ia turut membantu pelajar untuk mengenali diri mereka sendiri dan menentukan gaya pembelajaran yang sesuai dengan diri mereka. Apabila seseorang pelajar telah mengenali kekuatan dan kelemahan diri mereka, mereka dapat memperbaiki kelemahan sedia ada serta lebih berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi.¹⁸

Sementara itu, pendidikan dalam Islam turut mengiktiraf pemikiran seseorang individu kerana individu adalah merupakan manusia yang boleh berfikir. Tahap dan bentuk pemikiran individu pula adalah berbeza berdasarkan latar belakang seseorang individu. Pendekatan Individu bermaksud pengajaran guru yang mengambil kira aspek perbezaan diri pelajar dengan mempelbagaikan kaedah dan kemahiran supaya setiap pelajar berpeluang untuk memperolehi kaedah pemindahan maklumat berdasarkan sifat-sifat diri yang mungkin berbeza daripada pelajar-pelajar yang lain. Pendekatan Individu dalam kaedah pengajaran bertujuan untuk mempengaruhi segala aspek diri individu ke arah pembentukan kognitif, efektif dan psikomotor pelajar untuk membentuk perubahan diri yang lebih positif dan merangsang perkembangan diri pelajar secara optimum.

Pendekatan Individu ini memerlukan setiap guru memiliki kemahiran psikologi dan kaunseling supaya dapat mengetahui dengan tepat ruang yang perlu diberikan kepada murid untuk membina tindakan mengikut kebolehan masing-masing. Guru perlu menjauhi sikap autokratik semasa mengajar, sebaliknya guru memberikan kepada semua murid hak yang sama dalam mendapat proses bimbingan, didikan dan kebaikan. Dalam hal ini, guru lebih berperanan sebagai pembimbing dan bukan sebagai pemancar ilmu. Oleh itu, pengajaran berasaskan kepada pendekatan individu memerlukan guru yang sentiasa berusaha mengembangkan potensi murid dalam segala aspek. Penggunaan pendekatan individu dalam pengajaran akan dapat membantu

¹⁷ Ahmad Mohd Saleh (2004), *op.cit.*, h.106.

¹⁸ Tengku Sarina Aini Tengku Kasim & Yusmini Md Yusoff(2006), *Kaedah Mengajar Dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Selangor: PTS Publications, h. 8.

pelajar menghadapi kemajuan yang kompleks demi membina manusia yang holistik, dinamik, berakhhlak mulia, waja, berketerampilan dan mempunyai pelbagai kemahiran untuk kecemerlangan diri.

Sememangnya pengajaran secara pendekatan individu merujuk kepada kemahiran dan kaedah guru mengajar seseorang pelajar pada satu-satu masa tertentu. Ini biasanya berlaku apabila guru mulai membantu dan membimbing murid-murid yang lemah dan bermasalah selepas proses pengajaran secara langsung di dalam kelas. Rasional pengajaran secara individu dijalankan adalah berdasarkan aras kreatif pelajar yang berbeza, iaitu ada yang memahami pengajaran guru dengan cepat dan ada yang lambat. Minat dan kebolehan pelajar juga adalah berbeza, umpamanya ada yang dapat membaca al-Qur'an dengan lancar, betul dan fasih, ada pula yang lambat dan ada yang dapat membaca Jawi dengan baik dan ada pula yang sebaliknya. Pendekatan ini melibatkan semua perancangan dan usaha guru yang akan membolehkan pelajar bergiat belajar pada setiap masa mengenai perkara yang bernilai bagi diri sendiri.

Bertitik tolak daripada sinilah, maka pendekatan individu merupakan satu pendekatan yang sesuai untuk diaplikasikan kepada semua pelajar yang menekankan perihal pentingnya mendekati dan menyampaikan sesuatu kepada mereka secara perbezaan individu dan bukannya berdasarkan satu teori pengajaran semata-mata. Ini kerana setiap individu pelajar adalah berbeza dengan pelajar yang lain. Perbezaan individu lebih menjurus kepada perbezaan variasi atau ketidaksamaan individu daripada norma kumpulan sama ada dari segi sifat kognitif, emosi, fizikal, moral, tingkah laku, sosial, bakat atau aspek-aspek lain yang mungkin terdapat dalam sesuatu kumpulan.

Setiap pelajar mempunyai cara belajar yang tersendiri dalam mencari maklumat dan meneroka kemahiran. Setiap pelajar adalah berbeza dan memerlukan pendekatan yang berbeza dalam pembelajaran seperti untuk mengamati, memproses dan menaakul maklumat. Perbezaan inilah yang perlu dikenalpasti oleh guru dan pelajar sendiri dalam proses pengajaran dan pembelajaran agar proses tersebut menjadi lebih berkesan dan sistematik. Ini kerana pendekatan yang bertepatan dengan diri seseorang pelajar dapat menimbulkan motivasi kepada pelajar untuk menerima proses pembelajaran dan seterusnya dapat menjamin keberkesanan dan kejayaan pencapaian pelajar berkenaan bukan sahaja daripada aspek akademik, malah juga dari aspek pembentukan sahsiah dan akhlak peribadi.

Keputusan guru dalam memilih dan menggunakan pendekatan, kaedah dan kemahiran yang sesuai dengan tahap pelajar, perbezaan diri dan jenis mata pelajaran yang diambil oleh pelajar akan menyebabkan pelajar di semua

peringkat pembelajaran akan lebih bermotivasi. Keadaan ini pastinya akan mempengaruhi kualiti diri pelajar yang akan keluar dari alam persekolahan nanti. Sebagai guru, adalah menjadi amanah dan tanggungjawab untuk membantu pelajar dalam meningkatkan minat dan kecenderungan mereka untuk menerima proses pembelajaran sebanyak mungkin. Tugas tersebut menjadi lebih mudah sekiranya seseorang guru mampu mendekati pelajar secara lebih rapat dengan mengkaji perasaan mereka, penonjolan sikap dan tingkah laku, serta kekuatan dan kelemahan diri mereka. Secara tidak langsung guru akan dapat membantu pelajar mengenali cara mereka belajar. Hal ini sememangnya penting untuk diketahui kerana cara pembelajaran yang baik mampu menghasilkan peningkatan dalam sikap pelajar terhadap pembelajaran, produktif, pencapaian akademik dan juga kreativiti.

Sekiranya guru mahu memenuhi setiap keperluan pembelajaran pelajar, maka guru terlebih dahulu harus memahami maksud perbezaan individu itu sendiri dan mengaitkan pendekatan mengajar mereka dengan keupayaan kognitif dan gaya belajar yang dimiliki oleh pelajar berkenaan. Pendekatan Individu yang digunakan oleh guru dalam kaedah pengajaran akan membimbing guru untuk mendekati pelajar secara menyeluruh, dan bukan sekadar untuk menyampaikan mata pelajaran semata-mata. Guru akan membina hubungan yang berkesan dengan pelajar di atas kerelaan dan keikhlasan kedua-dua pihak antara guru dan pelajar. Hubungan yang berkesan dalam konteks pendekatan individu ini merupakan hubungan yang mantap dan berterusan serta mampu memberi panduan dan celik akal kepada pelajar. Hubungan ini boleh dimulakan oleh guru dengan mewujudkan perasaan menerima dan suka kepada pelajar serta sedar mengenai sebarang perubahan yang berlaku kepada diri pelajar tersebut.

KEPELBAGAIAN KAEDAH DALAM PENDEKATAN INDIVIDU

Terdapat banyak kaedah yang boleh diaplikasikan dalam proses pengajaran seseorang guru apabila ingin menggunakan pengajaran secara pendekatan individu. Antaranya adalah seperti kaedah perbincangan dalam kumpulan, bercerita, soal jawab, hafalan, latih tubi, penyelesaian masalah, lawatan atau luar kelas, projek, sokratik, penyelidikan, kerja bersendirian, amali, resitasi dan lain-lain.

Sebagai contoh, dalam mata pelajaran Pendidikan Islam umpamanya, bukanlah setakat belajar dalam bilik darjah, tetapi hendaklah diteruskan dengan kaedah amali secara istiqamah seperti pelajaran Ibadat dan tajuk solat. Guru Pendidikan Islam bukan setakat menerangkan secara syarahan di dalam kelas tentang rukun-rukun solat, malah diteruskan secara amali.

Jika terdapat pelajar yang tidak tahu mengerjakan solat, maka pengajaran secara individu perlu dilakukan supaya pelajar akan faham apa yang diajar. Selain itu, guru juga boleh mengenal pasti pelajar yang tidak dapat membaca dan menghafaz al-Qur'an dengan baik. Oleh itu, pelajar yang lemah dalam pencapaian ini akan mendapat perhatian daripada guru berdasarkan keupayaannya sendiri.

Begitu juga dengan kaedah resitasi yang boleh digunakan untuk menilai sejauh mana para pelajar mengetahui dan memahami tentang sesuatu mata pelajaran yang diajar. Kaedah ini akan melibatkan ingatan semula tentang maklumat yang baru diperoleh. Para pelajar akan diminta untuk mengulang semula maklumat berkenaan, sama ada ayat demi ayat atau perkataan demi perkataan. Kaedah ini boleh digunakan untuk tujuan pengajaran pendekatan secara individu terutamanya dalam bahagian hafalan. Kaedah ini akan mendidik pelajar untuk melakukan pembacaan atau mengingat secara berulang-ulang. Bagi menjadikan kaedah mengingat ini memberi kesan yang lebih baik, ia hendaklah dilakukan secara berurutan dan berulang kali.

Walau bagaimanapun, tidak terdapat satu kaedah yang benar-benar sesuai, begitu juga tidak terdapat kaedah yang terbaik atau kurang sesuai kerana semuanya bergantung kepada bagaimana guru melaksanakan kaedah tersebut di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Apa yang penting setiap guru perlu memahami perbezaan individu dalam menerima proses pengajaran dan pembelajaran supaya pengajaran tidak akan menjadi terlalu serius dan bertumpu kepada guru semata-mata. Guru yang berjaya memilih kaedah yang baik, kreatif dan dinamik di samping pendekatan yang ideal akan menghasilkan pembelajaran yang benar-benar bermakna.

KESIMPULAN

Strategi pengajaran secara individu merupakan kaedah pengajaran yang sesuai bagi merealisasikan penghayatan dan amalan ilmu dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Pendekatan ini diharapkan mampu untuk membentuk perubahan yang lebih positif mengikut perbezaan pelajar dan membantu merangsang perkembangan diri pelajar. Kaedah mengajar bermakna segala kegiatan terarah yang dijalankan oleh guru dalam rangka menyampaikan pengajaran yang berkesan. Ia juga membantu pelajar untuk mencapai proses belajar dan perubahan yang dikehendaki terhadap tingkah laku murid. Seterusnya menolong murid memperoleh maklumat, pengetahuan, ketrampilan, kebiasaan, sikap, minat dan nilai-nilai yang diinginkan.

Pendekatan individu juga mampu memenuhi matlamat akhir pendidikan, iaitu bukan sekadar untuk melahirkan pelajar yang cemerlang dalam bidang kognitif tetapi yang lebih penting adalah untuk menghasilkan pelajar yang sedia mendukung nilai murni untuk dikembangkan dan dipertahankan. Justeru, tugas guru bukan sahaja menyampaikan matlamat tetapi mencorakkan bagaimana ilmu dan matlamat mampu mengubah cara berfikir, sikap hidup dan bentuk-bentuk amalan berdasarkan ilmu yang mantap dan nilai yang unggul. Justeru, jika pendekatan individu ini diperaktikkan dengan cara yang betul sudah pastinya mampu menghasilkan pelajar yang memenuhi kriteria modal insan kelas pertama yang akan menggilap tamadun ummah dan negara Malaysia suatu hari nanti.